

Sejarah dan Sumber Pemikiran Ilmuwan Ahli Sunah Wal Jama'ah Di Alam Melayu

Disediakan oleh
DR. ENSKU IBRAHIM BIN ENSKU WOK ZIN
KETUA PUSAT PENGAJIAN USULUDDIN
FAKULTI PENGAJIAN KONTEMPORARI ISLAM



يونيسوي سيئو سلطان زين العابدين
UNISZA
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

Pengertian akidah

Simpulan yg kukuh

Rukun agama yang terpenting selain syariat dan akhlak

ilmu yg membicarakan rukun ini dinamakan ilmu akidah, ilmu tauhid, ilmu usuluddin, ilmu kalam dsbnya.



يونيسوي سيٲ سلطان زين العابدين
UNISZA
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

Bahagian akidah

Akidah sunniyyah iaitu akidah yg dibawa oleh Baginda Nabi saw dan diwarisi oleh generasi sahabat, tabi'in, atba' al-Tabi'in dan generasi berikutnya hingga ke akhir zaman.

Akidah bid'iyyah iaitu akidah yg dicetuskan oleh mereka yang cuba memahami agama dengan kefahaman yg berbeza dengan generasi yang mewarisi akidah dari Baginda Nabi saw.



Pewaris akidah sunniyyah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah

al-Athariyyah @ Ahl al-Hadith

Ahl al-Nazar al-Aqli

Ahl al-Wijdan wa al-Kashaf



Ahl al-Hadith al-Athariyyah

Mendokong akidah salaf

Imam Ahmad sebagai tokoh ikutan

Penekanan kepada penggunaan dalil syarak

Berpandangan pendekatan ilmu kalam
adalah pendekatan yg batil

Ahl al-Nazar al-Aqli

Mendukung akidah salaf

Asyairah dan Maturidiyyah

Menggunakan pendekatan ilmu kalam

Mengetengahkan akidah yg diwarisi dari generasi salaf adalah akidah yang logik



يونيسوي سيٲ سلطان زين العابدين
UNISZA
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

Ahl al-Wujdan wa al-Kashaf

Mendokong akidah salaf

Pendekatan asas akidah menepati samaada pendekatan ahl al-Hadith atau Ahl al-Kalam

Tarekat sebagai jalan makrifat

Matlamatnya mendapat kasyaf dan wujdan

Asyai'rah

Nisbah kepada Abu Hasan al-Asy'ari (m.324H)

Keturunan Abu Musa al-Asy'ari

Menentang fahaman bidaah di Basrah

Antara murid kanan yang meriwayatkan fahamannya ialah Ibn Mujahid al-Ta'i, Abu Hasan al-Bahili, Bandar bin Hasan al-Sufi, Abu Hasan al-Tabari dan sebagainya. Wafat pada tahun 324 H. Antara karyanya ialah al-Ibanah cAn Usul al-Diyanah, Maqalat al-Islamiyyin, Risalah ila Ahl al-Thghr, al-Lumac fi Radd cala Ahl al-Zaygh wa al-Bidac dan sebagainya (al-Zabidi 1989: 2: 4-5).

Maturidiyyah

Pengikut Imam Abu Mansur al-Maturidiyyah (m. 333H)

Menentang fahaman bidaah di Samarkhan

Antara tokoh yang meriwayatkan fahamannya ialah Abu al-Qasim Ishaq bin Muhammad al-Samarqandi dan cAbd al-Karim al-Bazdawi. Wafat pada tahun 333 H di negeri asalnya dan disemadikan di sana. Antara karya peninggalannya ialah Kitab al- Tawhid, Kitab al-Maqalat, Kitab Radd Awa'il al-Adillah li al-Kacbi dan sebagainya (al-Zabidi 1989: 6-7).

Akidah Abu Hasan al-Asy'ari dan Abu Mansur al-Maturidi

وليعلم ان كلا من الإمامين أبي الحسن الأشعري و أبي
منصور الماتريدي لم يبدعا من عندهما رأيا ولم
يشتقا مذهبا إنما هما مقرران لمذاهب السلف
مناضلان عما كانت عليه أصحاب رسول الله صلى
الله عليه وسلم



Akidah Asya'irah dan Maturidi mewakili meajoriti ummat Islam

Keseluruhan ulama bermazhab Shafie mengikuti akidah Asya'irah melainkan sebilangan kecil yg terpengaruh dengan akidah muktazilah dan hasywiyyah

Semua ulama bermazhab Maliki tanpa terkecuali mengikuti akidah Asya'irah.

Keseluruhan ulama bermazhab Hanafi mengikuti akidah Asya'irah melainkan sebilangan kecil yg terpengaruh dengan akidah muktazilah dan hasywiyyah.

Ulama bermazhab Hanbali terbahagi dua iaitu kumpulan yang akidah mereka menepati jumhur dan kumpulan yg membawa akidah hasywiyyah

Penulisan karya akidah di Alam Melayu

Semenjak kedatangan Islam ke Alam Melayu hingga berakhirnya zaman kerajaan Melayu Melaka 1511M.

Selepas zaman kerajaan Melayu Melaka hingga ke Kurun 17 M

Selepas kurun ke 17 M hingga ke kurun 20 M.

Semenjak kedatangan Islam hingga berakhir kerajaan Melayu Melaka

Berdasarkan catatan tokoh ulama seperti Ibn Khardazbah (820-885 Masihi), Ibnu Faqīh (m. 902 Masihi), Ibnu Rusṭah (m. 903 Masihi), dan yang paling penting adalah al-Mascūdī (m. 956 Masihi). Pandangan yang kuat dari Hamka mengatakan bahawa Ahli Sunah Waljamaah memang sudah lama menjadi aliran yang dominan di Nusantara dalam mazhab akidah, manakala dalam pegangan fiqh pula mazhab Shāficī mendapat tempat

Catatan Ibn Batutah

Ibnu Batutah ketika beliau singgah ke Sumatera sekitar 1345 Masihi yang pada masa itu di bawah pemerintahan kerajaan Islam Pasai mencatat bahawa penduduknya sudah pun bermazhab Shāficī , sementara sultan yang memerintah pada ketika itu iaitu Sultan al-Malik al-Zahir bermazhab Shāficī dan rakyat baginda juga bermazhab Shāficī (Ibnu Batutah 2006: 730-731)

Semenjak kedatangan Islam hingga berakhir kerajaan Melayu Melaka

Kitab Bahr al-Lahut, sebuah kitab akidah dan tasawuf susunan dan terjemahan Syeikh Abdullah Arif pada kurun 12 di Pasai.

Pengarangnya diketengahkan sebagai seorang tokoh syiah.

Catatan dalam kitab Bahr al-Lahut

Allah s.w.t Maha Agung. Allah mempunyai Zat dan Sifat seperti Sifat Qudrat, Iradat dan Ilmu. Zat Allah tiada terhingga, tiada bertempat dan tiada bermasa. Zat Allah Qadim. Zat Allah diibaratkan seperti cermin yang jernih.

Analisis kandungan Bahr al-Lahut

9 muka surat sahaja

Mengithbatkan sifat ma'ani

Tidak ada kenyataan menghina para sahabat r.a

Menafikan tempat dan masa dari Allah swt.

Ada catatan yg menjelaskan bahawa beliau datang ke Pasai dengan membawa naskhah kitab Ihya' Ulumuddin susunan al-Ghazali.

Semenjak kedatangan Islam hingga berakhir kerajaan Melayu Melaka

Penggunaan kitab Umm Barahin karya al-Sanusi dalam pengajaran akidah di Zaman Kerajaan Melayu Melaka.

Sultan Mansor Shah memohon Makhdum Patakan di Pasai menterjemahkan kitab Durr Manzum yng dihadiahkan oleh Maulana Abu Bakar dari Jedah untuk digunakan sebagai bahan pengajaran akidah di Melaka.

Selepas zaman kerajaan Melayu Melaka
hingga ke kurun 17 M
(Terjemahan al-Aqa'id al-Nasafiyyah)

Disusun Abū Hafṣ cUmar al-Nasafī iaitu
sebuah manuskrip bertarikh antara 1591
Masihi hingga 1599 Masihi.

Huraian tentang akidah islam menurut
aliran al-Maturidiyyah

Selepas zaman kerajaan Melayu Melaka
hingga ke kurun 17 M
(Catatan akidah dalam Taj al-Salatin)

Disusun oleh Bukhari Jauhari pada tahun
1603M

Sebuatan ringkas tentang akidah yg
dipegang oleh orang Melayu.

Berdasarkan akidah Asya'irah dalam
masalah ketuhanan.

Selepas zaman kerajaan Melayu Melaka hingga ke kurun 17 M

(catatan Sharab al-Ashiqin susunan Hamzah al -Fansuri)

, yogya engkau ketahui bahawa sesungguhnya wajib cala kulli mukallaf mengetahui yang wajib kepada Tuhan kita rabb al-samāwāti wa al-ard, dan mengetahui yang buhul dan yang jahil kepada Tuhan kita wāhid al-qahḥār setengah yang wajib pada hak Subhānaḥu wa Tacāla dua puluh sifat adapun yang dahulu diketahui wujud itu dinamai sifat nafsiah, yakni yang mengimpunkan sekalian sifat yang wajib kepada hak pangeran kita, apabila sifat yang lima dinamai sifat salbiah, dan iaitu qidam baqa' mukhalafatu lilhawadith qiyamu binafsiḥi wahdaniyah, adapun sebut lagi tujuh sifat yang dinamai sifat macāni, dan iaitu ya hayyat kedua alim yang ketiga pada kudrat, apabila keempatnya dinamai iradat samac basar dan kalam, dan yaitu menjadikan alam muhitnya lengkap kepada sekalian afcal, adapun macnawiyyah itu tujuh sifat dinamai ia hayyun dan alim, dan ia lagi qadir dan murīdun samīcun baṣīrun mutakallimun, iki kihang sifat kang anang istifna wujud qidam baqa' mukhalafatu lilhawadith qiyamuḥu binafsiḥi samac baṣar kalam samican baṣiran mutakalliman iki kahing sifat anang iftiqar wahdaniyah kudrat iradat ilmu hayyat qādiran murīdan cālیمان hayyan.



Analisis kandungan Syarab al-Asyiqin

Akidah ketuhanan berdasarkan sifat dua puluh

Pembahagian sifat kepada empat kategori.

Menepati sepenuhnya susunan umm barahin
oleh al-Sanusi

Kerangka pemikiran akidah Asyairah selepas
era al-Sanusi.



Selepas kurun ke 17M (Kurun ke 18M)

Abd al-Malik bin cAbd Allah Terengganu (m. 1736 M), Faqih Jalal al-Din al-Tursani al-Ashi (m. selepas 1745 M), Shihab al-Din Abd Allah al-Jawi (m. selepas 1749 M), Abd al-Samad al-Falimbani (m. 1789 M)



Selepas kurun ke 17 M (kurun ke 19M & 20M)

Muhammad Arshad al- Banjari (m. 1812 M),
Muhammad Zayn al-Ashi (m. selepas 1841 M),
Ismacil al- Minangkabawi (m. 1844 M), Dawud al-
Fatani (m. 1846 M), Ahmad Khatib Sambas (m.
1872 M), Sayyid Muhammad al-cAydarus (m.
1878 M), Nawawi al-Jawi al- Bantani (m. 1896 M),
Sayyid Ahmad al-cAydarus (m.1897 M), Ahmad
al-Fatani (m. 1908 M), Sayyid Abd al-Rahman al-
cAydarus (m.1918 M)



Contoh akidah ulama Terengganu (Tok Ku Tuan Besar) petikan nazam Jawahir al -Saniyyah

Sanjungan kepada Imam Abu Hasan al -Asy'ari
dan Abu Mansur al -Maturidi

imam kita pada usuluddin itu, dua jua tak ada
lain dengam tentu. Yang pertama Imam kita tu
Asy'ari, yg kedua tu digelar Maturidi. Banyak lagi
Imam kita tu yg betul, yang mengikut mereka tu
jalan rasul. Misal imam junayd itu yang mulia,
yang penghulu sufiyatin gelar dia.

Contoh akidah ulama Terengganu (Tok Ku Tuan Besar) petikan nazam Jawahir al -Saniyyah

Akidah disusun dalam tiga bahagian iaitu ketuhanan, kenabian dan perkara ghaib.

Akidah disusun berdasarkan pendekatan sifat dua puluh.

Penekanan diberikan kepada apa yang wajib, mustahil dan harus bagi Allah swt dan para rasul.

Contoh akidah ulama Terengganu (Tok Ku Tuan Besar) petikan nazam Jawahir al -Saniyyah

Sifat Allah swt dibahagikan kepada sifat muhkamat dan mutashabihat

Menerima pendekatan tafwid dan takwil dalam menangani isu sifat mutashabihat

Meyakini qudrat hamba tidak memberi bekas dan mengisbatkan usaha bagi hamba.

Jawahir al -Saniyyah (Tok Ku Tuan Besar)

hubungan antara org hidup dengan org mati

Orang hidup masih boleh berbakti kepada mereka yg telah mati

Menggesa memperbanyakkan ziarah kubur

Harus bertawassul dengan mereka yang sudah meninggal dunia.

Sekian

al-Faqir ila 'afw rabbihi

Engku Ibrahim bin Engku Wok Zin al-Aydarus



يونيسوي سيٲ سلطان زين العابدين
Unisza
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN